

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 6 / 12 / 2010

Najib ingatkan anggota BN buang 4 'penyakit' untuk tambat hati rakyat

'Kikis sifat khayal, lupa diri'

UM 6-12-2010

Oleh TARMIZI ABDUL RAHIM,
SAIFUL HAIZAN HASAM
dan SAIFULIZAM MOHAMAD
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 5 Dis. – Datuk Seri Najib Tun Razak mahu anggota-anggota Barisan Nasional (BN) mengikis sifat khayal, lupa diri, jumud dan angkuh yang sering dikaitkan sebagai penyakit mana-mana parti yang sudah lama berkuasa, untuk menambat hati rakyat.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN menegaskan, empat penyakit itu perlu dielak, dikikis dan dibuang jauh sebelum rasa sayang

rakyat terhadap BN berubah menjadi benci, harapan menjadi kemarahan dan sokongan bertukar menjadi penentangan.

Beliau juga mengingatkan ahli-ahli BN supaya jangan terpesona dengan kejayaan lalu hingga menyebabkan mereka terleka dan angkuh yang akan menyebabkan rakyat benci dan menyampah, sebaliknya ia perlu dijadikan inspirasi bagi menjana kemenangan lebih besar pada masa akan datang.

“(Saya) menyedari empat penyakit lazim sering melanda parti-parti yang sudah lama berkuasa. Hakikatnya parti yang terlampau lama

berkuasa jarang melakukan muhasabah terhadap kelemahan diri,” katanya dalam ucapan dasar pada Konvensyen BN di Wisma MCA di sini hari ini.

Perdana Menteri mengakui bahawa politik itu penuh dengan percuturan, persepsi dan permainan angka, namun ia tidak akan berlaku dengan sendirinya.

“Sebetulnya, bukan sekadar cukup dengan persepsi positif akan tetapi kepercayaan sebenar rakyat terhadap BN perlu terus dipupuk dan dibaja dengan jalan bekerja keras serta usaha yang bersungguh-sungguh.

“Untuk bangun kembali, kita

mesti mencari formula pemulihan dan melaksanakan pelan tersebut secara konsisten. Itu yang sedang kita usaha dan lakukan, barulah nanti akan memperoleh kemenangan besar yang diidam-idamkan,” katanya.

Tambah Najib, kejayaan terbesar BN ialah kemampuan menukar pelbagai kerumitan yang wujud kepada kelebihan dalam persaingan dan ia bukannya pencapaian kecil tetapi sebaliknya amat signifikan dan begitu bersejarah dalam pembikinan Malaysia.

Katanya, kejayaan itu amat mengagumkan kerana ia tidak melalui jalan mudah dengan mengamalkan

kaedah ‘kawah pelakuran’ (*melting pot*) dalam membina sebuah negara iaitu perbezaan yang wujud terpaksa dikorbankan manakala identiti tunggal perlu dicipta.

“Kita tidak pernah berusaha menyalakan mana-mana budaya, tidak juga menukar asal-usul sesiapa. Sehingga sekarang masing-masing bebas mengamalkan jati diri,” katanya.

Bahkan menurut Najib, rakyat harus berbangga bahawa Malaysia satu-satunya negara di dunia membenarkan kewujudan sekolah jenis kebangsaan yang mengekalkan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar.